



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

17 NOVEMBER 2023 (JUMAAT)

Tukar Ladang Ternak Ke Sistem Tertutup

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|--------|---------|------------|--------|
| KOSMO! | Negara | 15 | 17 Nov |



KERAJAAN Negeri Perak memberikan tempoh selama tiga tahun bagi pengusaha ladang ternakan unggas untuk melaksanakan konsep sistem tertutup. – GAMBAR HIASAN

Kerajaan negeri beri tempoh pemutihan tiga tahun Tukar ladang ternak ke sistem tertutup

Oleh LIYANA RAMLI

IPOH – Kerajaan negeri memberi tempoh tiga tahun kepada pengusaha ladang ternakan unggas untuk melaksanakan konsep sistem tertutup selaras dengan penguatkuasaan Enakmen Perladangan Unggas (Pindaan) yang diwartakan pada 20 Julai lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Negeri Perak, Datuk Mohd. Zolkafly Harun berkata, sebanyak 295 ladang reban terbuka hendaklah menukar kepada sistem tertutup sebelum 2026.

"Setakat ini, hanya 203 daripada 507 ladang telah dilaksanakan secara tertutup, manakala 295 ladang reban terbuka dan sembilan adalah ladang bercampur.

"Selaras dengan pelaksanaan pindaan ini, Jabatan Perkhidma-

tan Veterinar (JPV) Perak telah mengambil langkah turun padang melalui program 'roadshow' bagi memberi informasi, penjelasan dan kefahaman kepada pemegang taruh khususnya penternak ayam di negeri ini," katanya pada sidang akhbar di Bangunan Perak Darul Ridzuan, di sini semalam.

Menurutnya, pihaknya juga menyasarkan sebanyak 30 peratus setiap tahun bagi pengusaha ladang sedia ada mahupun yang baharu untuk melaksanakan sistem tertutup secara berperingkat dalam tempoh tiga tahun.

"Sasaran tersebut adalah bagi pengusaha sedia ada dan pengusaha baharu tetapi bagi permohonan baharu, ia mesti dibina dengan sistem tertutup," katanya.

Sementara itu, Mohd. Zolkafly berkata, bagi pengusaha ladang ternakan yang tidak berdaftar juga boleh memohon lesen yang

sah dalam tempoh pemutihan sehingga 2026.

"Tempoh pemutihan selama tiga tahun ini mencukupi untuk pengusaha-pengusaha ladang ternakan sebelum penguatkuasaan dilaksanakan," katanya.

Ujarnya, pindaan ini bertujuan ke arah pelaksanaan sistem reban tertutup sepenuhnya menjelang tahun 2026 untuk menangani aduan kacau ganggu alat dan pencemaran.

"Selain itu, Kebenaran Merancang (KM) dan kelulusan tukar syarat tanah juga adalah tujuan enakmen ini dipinda. Hukuman denda dan kompaun juga akan dikenakan lebih tinggi setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

"Sebelum ini, kadar kompaun minimum hanya RM300 tetapi selepas pindaan kadar kompaun minimum adalah sebanyak RM5,000," katanya.

Pulau Pinang Negeri Ketiga Tertinggi Aduan Aniaya Haiwan

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|--------|---------|------------|--------|
| KOSMO! | Negara | 18 | 17 Nov |

Pulau Pinang negeri ketiga tertinggi aduan aniaya haiwan

SEBERANG PERAI – Pulau Pinang menjadi negeri ketiga yang merekodkan jumlah aduan tertinggi berkaitan kebajikan serantau penganiayaan terhadap haiwan selepas Selangor dan Kuala Lumpur.

Pengerah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri, Dr. Saira Banu Mohd Rejab berkata, ia berdasarkan jumlah

aduan yang diterima pihaknya sejak empat tahun lalu. Menurutnya, pada 2019, jumlah aduan yang diterima sebanyak 101 kes dan jumlah itu terus meningkat pada tahun 2020 dan 2021 iaitu masing-masing 110 dan 142 kes.

"Sepanjang tahun lalu pula, aduan yang diterima bertambah kepada 176 dan untuk tempoh 11

bulan pertama tahun ini sahaja iaitu sehingga hari ini (16 November), JPV Pulau Pinang telah menerima sehingga 236 aduan. "Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa tahap kesedaran serta keprihatinan masyarakat di negeri ini terhadap kebajikan haiwan semakin meningkat," katanya.

Beliau berkata, antaranya adalah menerusi kempen seperti Roadshow Kebajikan Haiwan di Mydin Mall, di sini serta pema-

sangan papan tanda di sekitar kawasan pasar awam di seluruh negeri.

"Bermula 2022 dan 2023 juga, JPV Pulau Pinang mula mengambilkang perhatian dalam meluaskan

cara dan bentuk Kempen Kebajikan Haiwan iaitu dengan menggunakan pakai perkhidmatan Bas Rapid agar hebahan dapat dibuat dengan lebih meluas," ujarnya.

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|-----------------|--------------|------------|--------|
| Utusan Malaysia | Dalam Negeri | 34 | 17 Nov |

Gajah ancam haiwan ternakan, kebun penduduk

Oleh NORLIA RAMLI
utusannews@mediamulia.com.my

SIK: Ancaman gajah liar yang merosakkan tanaman serta menyerang haiwan peliharaan mengusarkan penduduk di beberapa buah kampung di sini.

Penduduk Kampung Pinang, Yaacob Md. Senawi, 51, berkata, seekor lembu betina bunting peliharaannya cedera dipercayai akibat diserang seekor gajah jantan, baru-baru ini.

"Ketika kejadian, sebanyak lima ekor lembu diikat di kebun getah saya yang jaraknya lebih kurang satu kilometer dari rumah. Sebelum ini, lembu-lembu itu selamat, tiada gangguan gajah ataupun harimau, tetapi sejak kebelakangan ini, gajah pula yang mengancamnya," katanya ketika ditemui, semalam.

Menurutnya, kejadian itu pertama kali berlaku berhamiran kawasan rumahnya walaupun ketika musim buah-buahan sebelum ini, kebun bersebelahan diceroboh tiga ekor gajah yang memusnahkan lebih 10 pokok buah langsung yang berbuah lebat.

"Sejak ini, sudah tiga kali gajah itu masuk ke kebun



SEKOR lembu betina yang sedang bunting cedera di perut setelah diserang seekor gajah jantan yang mencero boh kebun getah di Kampung Pinang, Mukim Belantik, Sik, semalam.

bermula Ogos hingga kini, kali kedua, gajah terbabit mengamuk dan merosakkan pokok-pokok buah-buahan di kebun dan beberapa hari selepas itu lembu pula menjadi sasarannya.

"Saya bimbang jika pihak Jabatan Perindungan Hidu

pan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) tidak melakukan sesuatu, haiwan itu akan terus merosakkan dan mungkin mengancam nyawa dan harta benda kami pula," katanya.

Penduduk Kampung Kota Aur, Mohd. Ghazali Abu, 42,

pula berkata, sejak seminggu lalu, dia terpaksa bermalam di kebun buah-buahan miliknya kerana bimbang gajah-gajah liar merosakkan tanamannya.

"Sebelum ini, beberapa ekor gajah mengamuk dan merosakkan barangan termasuk mesin rumput yang ditinggalkan di pondok dalam kebun. Sudah dua kali gajah-gajah ini masuk ke kebun saya yang ditanam pokok dokong, langsung, salak, cempedak dan sebagainya.

"Gajah-gajah terbabit kebiasaannya akan muncul pada lewat malam sehingga ke pagi dan saya bimbang kawan gajah itu akan mengamuk lagi dan merosakkan pula tanaman yang ada dalam kebun," katanya.

Menurutnya, Perhilitan pernah memantau serta menghalau haiwan itu masuk semula ke dalam hutan, tetapi, mereka masih bimbang sekiranya ia muncul semula dan bertindak lebih ganas sehingga mengancam nyawa penduduk.

"Oleh itu, saya berharap agar mereka melakukan sesuatu untuk menangkap gajah-gajah liar ini dan pindahkan ke kawasan hutan lain yang lebih sesuai dengan habitatnya," katanya.

Gajah Ancam Haiwan Ternakan, Kebun Penduduk

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|-----------------|----------|------------|--------|
| Utusan Malaysia | Nasional | Online | 17 Nov |



SEEKOR lembu betina yang sedang bunting cedera di perut setelah diserang seekor gajah jantan yang menceroboh kebun getah di Kampung Pinang, Mukim Belantik, Sik, semalam.

SIK: Ancaman gajah liar yang merosakkan tanaman serta menyerang haiwan peliharaan penduduk menggusarkan mereka yang tinggal di beberapa buah kampung di sini.

Penduduk Kampung Pinang, Yaacob Md. Senawi, 51, berkata, seekor lembu betina peliharaannya yang bunting cedera dipercayai akibat diserang oleh seekor gajah jantan, baru-baru ini.

“Ketika kejadian, sebanyak lima ekor lembu diikat di kebun getah saya yang

jaraknya lebih kurang satu kilometer dari rumah. Sebelum ini lembu-lembu itu selamat, tiada gangguan gajah ataupun harimau, tetapi sejak kebelakangan ini gajah pula yang mengancamnya,” katanya ketika ditemui, semalam.

Menurutnya, kejadian itu pertama kali berlaku berhampiran kawasan rumahnya walaupun ketika musim buah-buahan sebelum ini, kebun bersebelahan kebun getahnya diceroboh tiga ekor gajah yang memusnahkan

lebih 10 pokok buah langsung yang sedang berbuah lebat.

“Setakat ini, sudah tiga kali gajah-gajah itu masuk ke kebun bermula Ogos hingga kini, kali kedua gajah terbabit telah mengamuk dan merosakkan pokok-pokok buah-buahan di kebun dan beberapa hari selepas itu lembu pula menjadi sasarannya.

“Saya bimbang jika pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) tidak melakukan sesuatu, haiwan itu akan terus merosakkan dan mungkin mengancam nyawa dan harta benda kami pula,” katanya.

Penduduk Kampung Kota Aur, Mohd. Ghazali Abu, 42, pula berkata, sejak seminggu lalu, dia terpaksa bermalam di kebun buah-buahan miliknya kerana bimbang gajah-gajah liar merosakkan tanamannya.

“Sebelum ini beberapa ekor gajah telah mengamuk dan merosakkan barangan termasuk mesin rumput yang ditinggalkan di pondok dalam kebun. Sudah dua kali gajah-gajah ini masuk ke kebun saya yang ditanam pokok dokong, langsung, salak, cempedak dan sebagainya.

“Gajah-gajah terbabit kebiasaannya akan muncul

pada lewat malam sehingga ke pagi dan saya bimbang kawanan gajah itu akan mengamuk lagi dan merosakkan pula tanaman yang ada dalam kebun,” katanya.

Menurutnya, Perhilitan pernah memantau serta menghalau haiwan itu masuk semula ke dalam hutan, tetapi mereka masih bimbang sekiranya ia muncul semula dan bertindak lebih ganas sehingga mengancam nyawa penduduk.

“Oleh itu, saya berharap agar mereka melakukan sesuatu untuk menangkap gajah-gajah liar ini dan pindahkan ke kawasan hutan lain yang lebih sesuai dengan habitatnya,” katanya.-

UTUSAN

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR